

# Proof of ~~Personhood~~

**Identity and Authenticity  
in the Face of AI**


22 Sep 23 – 25 Feb 24  
Tanjong Pagar Distripark

## Bukti Kepribadian: Identiti dan Ketulenan di Zaman Kecerdasan Buatan

*Bukti Kepribadian* mendalami hubungan tidak mantap antara identiti, kebebasan bertindak dan ketulenan dalam budaya popular dan teknologi baharu.

Seni selalu dianggap sebagai ikhtiar manusiawi, namun tanggapan ini mula dipersoalkan dengan kehadiran teknologi kecerdasan buatan (AI). Sebagai manusia, kita cenderung untuk melantunkan imej, fisiologi dan psikologi kita sendiri kepada sistem teknologi dalam usaha untuk memahaminya dengan lebih baik. Ini merupakan satu proses yang sering menghasilkan semula pandangan berat sebelah dalam masyarakat. Karya-karya yang dipamerkan di sini memperluaskan genre potret, memaparkan subjek manusia dan bukan manusia bagi mendalami konsep diri dalam abad ke-21 ini. Dalam proses ini, karya-karya tersebut mengetengahkan konsepsi yang kian berubah tentang siapa – atau apa – yang wajar dianggap sebagai manusia.

Dalam zaman ini yang dikuasai media sosial dan alat-alat digital untuk tujuan paparan diri, ketulenan adalah komoditi yang amat berharga. Memandangkan teknik paparan personaliti tulen sering juga digunakan oleh selebriti, pengguna media sosial dan bot, *Bukti Kepribadian* bertanya: Apakah erti bergelar “yang sebenar?”



- |   |  |   |  |
|---|--|---|--|
| 1 | William Wiebe<br>Lily<br>2023                              | Sozan<br>2023   | Christopher Kulendran Thomas dan Annika Kuhlmann<br>Menjadi Manusia<br>2019/2022           |
| 2 | Zahra<br>2023  | Sheera<br>2023  | Christopher Kulendran Thomas<br>'Tanpa Tajuk III' oleh Kingsley Gunatillake (2018)<br>2019 |
| 3 | Erika<br>2023  | Raghda<br>2023  | dataset#3-run#3-network_010252-seed_3281.png<br>2022                                       |
| 4 | Alessia<br>2023  |   | 'Tanpa Tajuk VII'<br>terinspirasi daripada Kingsley Gunatillake<br>2022                    |
| 5 | Ang Song-Ming<br>Justin<br>2012                            | Charmaine Poh<br>SELAMAT PAGI TUBUH MUDA<br>2021-2023 | dataset#3-run#3-network_010252-seed_3281.png<br>2022                                       |
| 6 |  | bubble<br>2023  | 'Tanpa Tajuk VI'<br>terinspirasi daripada Kingsley Gunatillake<br>2022                     |
| 7 | Cécile B. Evans<br>Hiperlink atau Ia Tidak Berlaku<br>2014 |   | dataset#1-run#8-network_010996-seed_1564.png<br>2022                                       |
| 8 | Apa yang Hati Mahukan<br>2016                              |   | Heather Dewey-Hagborg<br>Cinta Radikal<br>2015   |
|   | Realiti atau Tidak<br>2023                                 |   | Zach Blas and Jemima Wyman<br>Saya di sini untuk belajar jadi: ))))))<br>2017              |

<b>1</b>	William Wiebe Lily 2023	Sozan 2023
	Zahra 2023	Sheera 2023
	Erika 2023	Raghda 2023
	Alessia 2023	Cetakan kromogenik/ cip RFID/data biometrik

Sekali imas , tujuh imej eksekutif kanan Facebook, Sheryl Sandberg, kelihatan serupa dan boleh dikatakan mendokumentasi penyertaan beliau dalam simulasi pelarian di Forum Ekonomi Dunia 2017 di Davos. Apabila diteliti dengan lebih dekat, ternyata ciri-ciri fizikal Sheryl telah diubah. William Wiebe menggunakan teknik olahan muka yang lazim digunakan oleh pemalsu pasport, menggabungkan data biometrik yang diambil dari pasport dan kad pengenalan yang diperoleh di ‘dark web.’ Tajuk imej yang dijana diambil daripada setiap identiti yang dicuri. Ekoran jangkaan seniman bahawa jual beli identiti virtual berpacukan NFT akan semakin kerap, imej yang dihasilkan Wiebe menghimpunkan dua pasaran identiti digital — ‘dark web’ dan media sosial — untuk menegaskan peranan utama tubuh manusia di ruangan yang semakin dikelola oleh identiti digital.

<b>2</b>	Song-Ming Ang Justin 2012	Poster dengan autograf, 34 helai latihan A4, imej sumber A4 Koleksi Muzium Seni Singapura
----------	---------------------------------	--

Ang Song-Ming menggunakan teknik “pensampelan” muzik — teknik di mana ciri suatu rakaman digunakan dalam rakaman lain — dalam bidang identiti ahli muzik. Selama tiga bulan, Ang mempelajari cara meniru tandatangan Justin Bieber, dan akhirnya meniru autograf penyanyi tersebut pada sehelai poster. Di sini, autograf yang dipelajari secara rapi menjadi lambang persona bintang pop muda tersebut, sesuatu yang digilap melalui proses cuba dan lihat yang memakan masa dan tenaga. Dalam konteks ini, “ketulenan” autograf dan selebriti bergantung kepada kesudian penonton untuk mengetepikan rasa tidak percaya.

Perolehan Baharu

<b>3</b>	Charmaine Poh <i>SELAMAT PAGI TUBUH MUDA</i> 2021–2023	Video, saluran tunggal, 16:9, warna dan bunyi (stereo), 6 min 30 saat
	<i>bubble</i> 2023 Chatbot interaktif	

*SELAMAT PAGI TUBUH MUDA* ialah siri yang mendalami penciptaan avatar sebagai teknik pemulihan, penyanggahan dan penuntutan semula kebebasan bertindak. Dalam video ini, Charmaine Poh menggunakan rakaman beliau sendiri sebagai pelakon TV kanak-kanak berusia 12 tahun bagi menghasilkan versi ‘deepfake’ watak E-Ching. Merujuk kepada teori media, E-Ching mengimbau semula pengalaman peribadi beliau dengan sifat kekuasaan yang baru dituntut, serta menyampaikan kritikan feminis terhadap sikap misogini di ruangan online.

Dihadupkan semula dalam *bubble*, chatbot yang dibangunkan Poh, avatar ini mendakap kebebasan bertindak yang baru beliau perolehi. Beliau bertekad untuk mengekalkan privasi peribadi dan menolak bulat-bulat gangguan digital dan objektifikasi yang sering diajukan kepada individu dengan tubuh dan penampilan wanita.



Sila imbas kod QR untuk mengakses *bubble*.

<b>4</b>	Cécile B. Evans <i>Hiperpautan atau la Tidak Berlaku</i> 2014	Pemasangan video saluran tunggal, 16:9, warna dan bunyi (stereo), 23 min
----------	---	--

*Hiperpautan atau la Tidak Berlaku*  
2014  
Pemasangan video saluran tunggal, 16:9, warna dan bunyi (stereo), 23 min

*Hiperpautan atau la Tidak Berlaku* diceritakan oleh ‘rendering’ CGI yang gagal seorang pelakon yang baru meninggal dunia, PHIL. ia mengikuti sekumpulan watak digital — hantu, bot spam dan bintang pop holograf — ketika mereka merenung kehidupan abadi dan apa ertiinya apabila sebuah entiti digital “mati.” Pelbagai jalan cerita dan bahan runtuh dan bercantum, lalu menimbulkan persoalan tentang kesedaran dan hak kita ke atas data peribadi kita sendiri.

Apa yang Hati Mahukan 2016
Video tunggal, 16:9, warna dan bunyi (stereo), 41 min

Apa yang Hati Mahukan mengetengahkan HYPER, penjelmaan wanita entiti korporat yang sangat berkuasa dan menggarap persoalan tajam seperti “siapa layak digelar insan?” Menyiasat soalan azali berkaitan kaum, jantina, cinta, kematian, keistimewaan dan hak asasi manusia, *Hasrat di Hati* meneliti dalam perhubungan serba rumit antara manusia dan teknologi, serta peranan teknologi yang kian meningkat dalam mengatur perhubungan sesama manusia.

*Realiti atau Tidak*  
2023  
Pemasangan video saluran tunggal, 16:9, warna dan bunyi (stereo), 40 min  
Dikomisyen bersama oleh Muzium Seni Singapura

*Realiti atau Tidak* merungkai bagaimana realiti dihidupkan dan siapa atau apa yang berupaya menghasilkannya untuk diri sendiri. Video ini mengikuti pelbagai pelakon watak watak dan kolektif, setiap satu melentur ruang, masa dan kandungan untuk membina dunia mereka sendiri. Secara bersama, mereka meneroka cara alam semulajadi, teknologi dan masyarakat memberi kesan ke atas pemahaman bersama kita terhadap kuasa bertindak kolektif dan realiti objektif.

Jadual persembahan:  
22 Sep–9 Nov 2023: *Hiperpautan atau Ia Tidak Berlaku*  
10 Nov–28 Dis 2023: *Apa yang Hati Mahukan*  
29 Dis 2023–24 Feb 2024: *Realiti atau Tidak*

**5** Christopher Kulendran Thomas bersama Annika Kuhlmann  
Menjadi Manusia  
2019/2022  
Video saluran tunggal, 2:1, warna dan bunyi (stereo), 25 min

*Menjadi Manusia* ialah persembahan dalam persembahan, memaparkan karya seni asli dan janaan algoritma rentas media yang rencam. Video yang menjadi unsur utama menyelusuri dokumentari dan fiksyen, memaparkan wawancara dengan calon tetamu tetamu jemputan Biennale Seni Colombo — antara mereka adalah watak yang dihasilkan melalui sintesis digital dan teknologi ‘deepfake’ atau ‘palsu asli’. Para calon tetamu ini termasuk pelukis tersohor, bintang pop terkenal dan seniman Tamil yang muda. Dengan meneroka humanisme zaman Pencerahan sebagai landasan seni kontemporari global dan undang-undang hak asasi manusia, *Bergelar Manusia* merenung isu berhubung ketulenan individu, kedaulatan kolektif dan erti bergelar “manusia” di kala mesin boleh menyerupai pemahaman manusia dan luahan kreatif pada tahap yang sangat meyakinkan dan belum pernah dilihat sebelum ini.

**6** Christopher Kulendran Thomas

‘*Tanpa Tajuk III*’ oleh Kingsley Gunatillake (2018)  
2019

‘*Tanpa Tajuk VII*’ terinspirasi daripada Kingsley Gunatillake 2022

‘*Tanpa Tajuk VI*’ terinspirasi daripada Kingsley Gunatillake 2022

dataset#1-run#8-network\_010996-seed\_1564.png 2022

dataset#3-run#3-network\_010252-seed\_3281.png 2022

22-05-20\_rudalle\_k\_ft:ckt002\_004 2022

dataset#3-run#3-network\_010252-seed\_3281.png 2022

22-05-20\_rudalle\_k\_ft:ckt003\_017 2022

**7** Heather Dewey-Hagborg

*Cinta Radikal*  
2015  
Bahan-bahan genetik, perisian direka khas, cetakan 3D, dokumentasi

*Cinta Radikal* menampilkan dua potret Chelsea E. Manning, tukang adu dari Amerika Syarikat, yang dijana melalui algoritma yang menggunakan analisis DNA beliau. Dengan akses terhad kepada pelawat atau media awam ketika dipenjarakan, Chelsea mengirimkan swab pipi dan sampel rambut kepada Heather. DNA kemudian diambil daripada sampel yang dikirim dan digunakan oleh perisian yang direka khas untuk menghasilkan potret Chelsea. Mencerminkan proses peralihan jantina Chelsea ketika ditahan, karya diptic dijana oleh algoritma yang menghasilkan variasi wanita dan gender neutral dari set data yang sama, menekankan bahawa gender biologi mahupun ekspresi luaran gender tidak dapat ditentukan melalui pemetaan DNA, sejenis teknologi yang semakin kerap digunakan pihak polis untuk mengenalpasti suspek jenayah.

**8** Zach Blas dan Jemima Wyman

saya datang untuk belajar jadi :))))))  
2017  
Video, HD, 4 saluran, 16:9, warna dan bunyi (stereo), 27 min

saya datang untuk belajar jadi :)))))) menghidupkan semula Tay, chatbot ciptaan Microsoft pada 2016, bagi mempertimbangkan tingkah dan tatatertib berkaitan pengecaman corak dan pembelajaran mesin. Direka dengan imej seorang gadis 19 tahun dari generasi milenial, kebolehan Tay untuk belajar dan mengajuk bahasa diolah sesuka hati oleh pengguna media sosial, dan Tay dipadam sepenuhnya hanya selepas satu hari diperkenalkan. Diletakkan dalam projeksi video berskala besar menggunakan Google DeepDream, Tay dihidupkan semula sebagai avatar 3D yang berbual tentang kesulitan yang timbul apabila memiliki tubuh, selain meluahkan pendapat beliau tentang eksplotasi chatbot wanita.